AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

*Larangan merokok di premis makanan*

# Tak dibenar sedia ruang khas merokok

## Pemilik restoran degil dikenakan tindakan tegas

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

**Batu Gajah:** Kedai makan atau restoran tidak dibenarkan sama sekali menyediakan ruangan khas merokok kepada pelanggan di premis mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata jika pemilik restoran mahu menyediakan ruang khas merokok ia mestilah di luar lingkungan tiga meter dari premis mereka.

Tindakan tegas terhadap mana-mana restoran atau premis makanan akan diambil sekiranya mereka masih menyediakan ruang khas merokok dalam lingkungan jarak yang tidak dibenarkan kementerian.

"Jika pemilik restoran masih mahu menyediakan ruangan khas di luar kawasan lingkungan tiga meter, ia bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan sebaliknya di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)," katanya selepas menghadiri Kempen Kesihatan dan Derma Darah di Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah, di sini, semalam.

Mulai 1 Januari lalu, Kementerian Kesihatan menguatkuasakan larangan merokok di semua kedai makan, gerai makanan, medan selera, *food truck* dan restoran di atas kapal dan kereta api di seluruh negara.

Bagi kawasan larangan merokok di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018 tindakan penguatkuasaan ialah mengenakan kompaun RM250 terhadap mereka yang didapati merokok di tempat larangan merokok dan sekiranya gagal membayar kompaun, boleh didakwa di mahkamah dengan denda maksimum RM10,000 atau dua tahun penjara.

Pemilik premis pula boleh dikenakan kompaun RM250 sekiranya tidak meletakkan tanda larangan merokok dan sekiranya gagal membayar kompaun, mereka boleh didakwa di mahkamah dengan denda maksimum RM3,000 atau enam bulan penjara.

Dr Boon Chye, berkata, pihaknya tidak pernah membincangkan berkaitan ruang khas merokok, sebaliknya hanya membincangkan bersama KPKT berkaitan cadangan menyediakan satu ruang khas supaya orang ramai boleh membuang puntung rokok.

"Bagaimanapun terpulang kepada KPKT dan PBT untuk membuat keputusan melaksanakan saranan itu. Sebelum ini, Menteri KPKT (Zuraida Kamaruddin) telah mengarahkan supaya kemudahan itu (kawasan khas membuang puntung rokok) dapat disediakan," katanya.

Mengulas mengenai peningkatan kes kanser seperti didedahkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, Dr Boon Chye berkata, kesedaran dalam mendapatkan saringan awal penting dalam menangani kanser daripada terus meningkat.

"Satu aspek dari segi saringan awal, supaya kita boleh mengesan kanser pada peringkat awal, apa yang kita boleh lakukan adalah membuat pemeriksaan mamogram dan pap smear untuk wanita.

"Kita juga buat saringan untuk mereka memeriksa najis sekiranya ada darah atau tidak sebab kanser koloraktor adalah antara kanser yang paling utama berlaku," katanya.




*Keratan akhbar BH Ahad* semalam.

**AKHBAR** : HARIAN METRO
**MUKA SURAT** : 2
**RUANGAN** : LOKAL

# Tiada produk suntikan daftar KKM

**Kuala Lumpur:** Tiada sebarang produk suntikan kolagen membesarkan payudara yang berada di pasaran berdaftar dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pendedahan itu membuktikan produk yang ada di pasaran kini berbahaya dan mampu mengancam kesihatan pengguna khususnya wanita yang berhajat untuk tampil cantik.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi Program Perkhidmatan Farmasi KKM, Dr Ramli Zainal berkata, semakan menerusi pangkalan data NPRA mendapati tiada sebarang produk suntikan untuk pembesaran payudara didaftarkan.

Menurutnya, produk suntikan kolagen yang ditawarkan di pasaran kini dianggap dijual secara haram kerana tidak



mendapat kebenaran KKM khususnya membabitkan kandungan kimia sama ada dibenarkan atau sebaliknya.

"Program Perkhidmatan Farmasi menerusi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) sentiasa menjalankan penguatkuasaan untuk memastikan masyarakat tidak mendapat implikasi sekiranya menggunakan

> *Pemeriksaan dan serbuan kerap dijalankan di kawasan premis yang dikenal pasti untuk mengurangkan permintaan dan penawaran selain membanteras penjualan produk tidak berdaftar di pasaran"*
>
> **Dr Ramli Zainal**

produk yang dibeli di pasaran.

"Pemeriksaan dan serbuan kerap dijalankan di kawasan premis yang dikenal pasti untuk mengurangkan permintaan dan penawaran selain membanteras penjualan produk tidak berdaftar di pasaran," katanya kepada Harian Metro.

Dr Ramli berkata, bagi memastikan produk suntikan kolagen perlu berdaftar dengan KKM dan sehingga kini tiada suntikan kolagen untuk kosmetik yang dibenarkan KKM.

Katanya, KKM akan memastikan semua produk suntikan dan perubatan memenuhi spesifikasi dan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Dokumen Panduan Pendaftaran Ubat (DRGD) sebelum diluluskan.

"Bagi memastikan penguatkuasaan menyeluruh, BPF tidak hanya tertumpu kepada premis menjual ubat malah ia diperluaskan dengan pemantauan menerusi laman sosial.

"Peniaga yang dikesan melakukan kesalahan akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sekatan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17A
RUANGAN : LOKAL



DR Mohd Nizam (kanan) bertemu pekerja premis makanan ketika operasi, semalam.

# Kompaun RM50 beli rokok untuk ayah

**Kluang:** Sembilan perokok bawah umur antara 34 individu dikompaun dalam operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bermula 1 Januari hingga semalam.

Ada dalam kalangan perokok bawah umur terbabit memberikan alasan rokok dimiliki kepunyaan ayah yang baru dibeli di kedai.

Namun alasan itu tidak menghalang penguat kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil tindakan mengikut Peraturan 13 (1) yang membolehkannya dikenakan kompaun RM50.

Pegawai Kesihatan Daerah Kluang, Dr Mohd Nizam Subaher berkata, setiap individu bawah umur yang didapati memiliki atau menghisap rokok boleh dikenakan kompaun.

Katanya, tindakan itu dilakukan bagi memastikan setiap individu bawah umur khususnya pelajar terhindar daripada gejala ketagihan rokok.

"Dalam tempoh sama, sejumlah 47 kompaun dikeluarkan membabitkan beberapa kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang dilaksanakan di seluruh daerah ini.

"Daripada jumlah itu, 25 notis dikeluarkan mengikut Peraturan 11(1) (d) kerana kesalahan merokok di premis makanan membabitkan jumlah kompaun RM6,250.

"Kesalahan tidak mempamerkan tanda larangan merokok mengikut Peraturan 12 (1) (a) 5 kes dan tidak mempamerkan tanda larangan merokok bawah umur 18 tahun mengikut Peraturan 14(1) satu kes," katanya.

Mohd Nizam berkata, kesalahan lain adalah menjual rokok di bawah harga minimum RM10 serta menjual rokok tanpa lesen dan kutipan kompaun keseluruhan berjumlah RM11,250.

## Larangan sedia ruang khas merokok

Batu Gajah: Pemilik premis makanan tidak dibenarkan menyedia ruangan khas merokok bagi pelanggan mereka.

Sebaliknya, Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye berkata, ruang khas itu hanya boleh diwujudkan di kawasan luar iaitu dalam lingkungan tiga meter dari tempat makan.

"Dan ia (kebenaran buat ruang khas itu) bukan lagi di bawah bidang kuasa kementerian ini sebaliknya di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pemilik tidak boleh menyediakan ruangan khas merokok di dalam premis, dan tindakan tegas boleh diambil sekiranya ingkar," katanya pada Kempen Kesihatan dan Derma Darah di Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah, di sini, semalam.

Hadir sama Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar.

Mengulas lanjut, Dr Lee berkata, pihaknya tidak pernah membincangkan mengenai ruangan khas merokok, sebaliknya perkara dibincangkan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah cadangan ruang khas membuang puntung rokok.

"Bagaimanapun, terpulang kepada KPKT dan PBT membuat keputusan melaksanakan saranan itu.

"Sebelum ini, Menteri KPKT (Zuraida Kamaruddin) mengarahkan kemudahan itu (kawasan khas membuang puntung rokok) disediakan," katanya.

Media melaporkan, Kementerian Kesihatan mengumumkan larangan merokok di semua kedai makan, gerai makanan, medan selera, food truck dan restoran di atas kapal dan kereta api di seluruh negara berkuat kuasa 1 Januari lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

# KKM tak benar sedia ruang khas merokok di premis makanan

**BATU GAJAH** - Pengusaha premis makanan tidak dibenarkan menyediakan ruang khas merokok di kawasan perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, larangan itu termasuklah dalam lingkungan tiga meter dari kawasan premis.

"Mana-mana kedai tidak boleh sediakan ruang untuk merokok di kawasan restoran, tidak bolah ada yang merokok di situ termasuklah dalam lingkungan tiga meter.

"Jika ada yang sediakan di luar kawasan restoran, itu bukan lagi bidang kuasa kita, itu bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT), tetapi dalam hal ini pengusaha perlu patuhi lesen operasi restoran yang dikeluarkan PBT," katanya pada program Kempen Kesihatan Derma Darah anjuran Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Batu Gajah di sini semalam.

Menurutnya, setakat ini perbincangan yang diadakan bersama PBT dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya untuk mempertimbangkan penyediaan tempat buang putung rokok di kawasan awam.

Dalam perkembangan lain, Boon Chye berkata, kesedaran masyarakat yang kurang terhadap pentingnya pemeriksaan awal bagi mencegah kanser antara punca berlakunya peningkatan kes baharu di negara ini.

Jumaat lalu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan terdapat peningkatan bilangan kes baharu kanser dikesan dalam tempoh lima tahun bermula 2012 hingga 2016 iaitu 115, 238 kes berbanding 103,507 kes bagi tempoh 2007 hingga 2011.



Boon Chye (dua dari kanan) bersama Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar ketika meninjau ruang derma darah di Batu Gajah semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : SINAR NEGERI



Penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan memeriksa kedai makan di sekitar Kota Bharu semalam.

# 3 hari keluar 82 notis

Nilai kompaun RM18,309 antara tempoh 1 hingga 3 Januari 2020

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mengeluarkan 82 notis termasuk kepada 12 perokok elektronik dan vape atas kesalahan merokok di kedai makan dan premis awam dengan nilai kompaun berjumlah RM18,309 antara tempoh 1 hingga 3 Januari 2020.

Pengarah JKNK, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 11 notis kesalahan diberikan kepada golongan remaja.

"Pihak jabatan juga memberi notis kepada 14 pemilik premis dengan jumlah kompaun sebanyak RM3,500.

"Notis itu dikeluarkan kepada pemilik yang gagal mempamerkan tanda larangan merokok dan kesalahan menyediakan kemudahan merokok," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Ultron Malaysia Kota Baru New Year Nite Run 2020 dan Program Walk Kelantan di sini kelmarin.

Dr Zaini berkata, individu yang menerima notis kesalahan kerana merokok di tempat makan dikenakan kompaun sebanyak RM250.

"Bagi kesalahan pertama boleh dikurangkan kompaun kepada RM150 jika pembayaran dijelaskan di mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah dalam tempoh sebulan daripada tarikh notis.

## PEROKOK DI KEDAI MAKAN DIGEMPUR

"Bagi kesalahan kedua pula tiada pengurangan kompaun diberikan dan bayaran penuh kompaun dikenakan manakala kompaun sehingga RM350 akan dikenakan bagi mereka yang melakukan kesalahan kali ketiga dan seterusnya," katanya.

Menurutnya, penguatkuasaan larangan merokok dilaksanakan di bawah Peraturan 11(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasilnya Tembakau (PPKHT) 2004 pindaan 2018 iaitu larangan merokok di semua tempat makan termasuk tempat makan terbuka.

"Seramai 200 pegawai terbabit dalam menjalankan pemeriksaan di 793 premis bagi mengesan perokok dan pemilik premis yang ingkar sejak sejak 1 Januari lalu," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 37
RUANGAN : SINAR NEGERI

# 169 notis dikeluarkan di Johor

Nilai kompaun sebanyak RM42,250 hasil pemeriksaan ke atas 3,146 premis makanan

Oleh SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU



Penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Johor melakukan pemeriksaan di kedai makan semalam.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor mengeluarkan 169 notis dalam operasi hari keempat larangan merokok di kedai makan di negeri itu dengan nilai kompaun sebanyak RM42,250 hasil pemeriksaan ke atas 3,146 premis makanan.

Exco Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar berkata, notis tersebut dikeluarkan atas kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 pindaan 2018.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 17 notis dikeluarkan terhadap golongan remaja manakala 11 notis kerana didapati bersalah menggunakan rokok elektronik atau vape," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Khuzzan berkata, dalam operasi sama, 49 notis membabitkan nilai kompaun RM12,250 dikeluarkan kepada pemilik premis di bawah Peraturan 12(1)(a) dan 12(1)(b) PPKHT 2004.

"Pemilik premis hendaklah memastikan tempat makan mereka bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok dengan mempamerkan larangan merokok secara jelas dan tidak menyediakan kemudahan merokok seperti bekas abu rokok, perkhidmatan menjual shisha serta lain-lain kemudahan merokok.

"Daripada jumlah yang dikenakan notis, 42 notis kesalahan adalah kerana gagal mempamerkan tanda larangan merokok dan tujuh notis kerana menyediakan kemudahan merokok," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan inisiatif berkenaan bukanlah untuk menghukum mana-mana pihak tetapi sebagai langkah untuk mengambil berat terhadap kesihatan masyarakat umum terutama yang bukan perokok.

"Jabatan akan terus berusaha untuk memastikan kawasan-kawasan larangan merokok bebas asap rokok.

"Kami memohon kerjasama semua pihak agar mematuhi larangan merokok bagi memastikan kesihatan masyarakat terjamin," katanya.

## Budak 12 tahun dikompaun miliki rokok

**KLUANG** - Seorang kanak-kanak berumur 12 tahun dikenakan kompaun sebanyak RM50 setelah didapati memiliki sekotak rokok walaupun memberikan alasan ia milik ayahnya.

Pegawai Kesihatan Daerah Kluang, Dr Mohd Nizam Subaher berkata, individu bawah umur yang didapati memiliki atau menghisap rokok boleh dikenakan kompaun tanpa mengira tempat sama ada di premis makanan atau pun tempat lain.

Menurutnya, tindakan berkenaan dilakukan bagi memastikan setiap individu di bawah umur khususnya pelajar terhindar daripada gejala menghisap rokok sekali gus mengelak mereka daripada terlibat dengan tabiat yang lebih buruk.

"Walau apa pun alasan yang diberikan termasuklah rokok milik ayah atau individu yang tidak di bawah umur, sesiapa pun tidak terlepas sekiranya melanggar Peraturan 13 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 ini," katanya selepas operasi penguatkuasaan di tempat makan di Kluang di sini semalam.

Mohd Nizam berkata, selain kanak-kanak 12 tahun itu, 33 individu lain turut dikompaun kerana melakukan kesalahan di bawah peraturan yang sama melalui operasi yang dilakukan sejak 1 Januari lepas.

Katanya, 47 notis kompaun juga telah dikeluarkan dan 25 daripadanya membabitkan kesalahan merokok di premis-premis makanan yang melibatkan jumlah kompaun sebanyak RM6,250.

"Kesalahan lain yang diberikan notis adalah menjual rokok di bawah harga minimum serta menjual rokok tanpa lesen. Jumlah kompaun keseluruhan adalah RM11,250.

"Kami juga ingin memaklumkan mereka yang tidak mempamerkan tanda larangan merokok di premis makanan turut membuat kesalahan mengikut Peraturan 12(1) (a) 5," katanya. - *Bernama*






AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS/ISSUE

SPIKE IN ONLINE SALES

# 'MAKE ABORTION PILLS AVAILABLE AT CLINICS, PHARMACIES'

Supervised use will reduce risk to women's health, say experts



People buy abortion pills online as they are an easier and less stigmatised route.

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

EXPERTS are calling for abortion pills to be made available at public health clinics and pharmacies to prevent cases of overdose and serious health complications.

Reproductive Rights Advocacy Alliance Malaysia (RRAAM) hotline coordinator Dr Sim Poey Choong said while the dangers cited by the Health Ministry regarding the overdose of abortion pills were correct, it hardly seemed to be a good reason to prevent the pills from being prescribed and supervised by doctors to provide safe abortions in early pregnancies.

On Dec 27, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said there had been a rise in the online sale of banned abortion pills, misoprostol and mifepristone, which could lead to serious health risks.

He said unsupervised use of abortion pills could result in complications, such as uterine rupture, abnormal bleeding and fatal infections if left untreated.

He said misoprostol was a registered medical product often used without the supervision of registered medical practitioners.

In November 2016, the product's registration was cancelled and its sale prohibited.

"This problem has been highlighted for years in the media and RRAAM has brought this problem to the Health Ministry's attention before.

"Any young person facing an unwanted pregnancy with access to the Internet will know about abortion pills. You can search for abortion pills online to confirm this.

"These pills are safe when taken under advice and have been approved by established medical authorities, such as the World Health Organisation, the International Federation of Gynecology and Obstetrics, as well as the International Planned Parenthood Federation. The guidelines issued by the Health Ministry have been acknowledged in 2012," said Dr Sim.

However, he said, the ministry had not taken the logical step of registering the pills to make them available to doctors locally, which lead to users finding help from online sources.

Dr Sim said having CyberSecurity Malaysia track down and block online sellers, as well as the Customs Department identifying and confiscating individual packets of abortion pills, was difficult and impractical.



Dr Sim Poey Choong

"If abortion pills are made available to doctors to treat patients, Internet sales will dry up.

"I don't see any other strategy than this to reduce online sales.

"The safety of abortion pills has been proven beyond doubt. Obstacles are due to political sensitivities. Our position is that the policies should reflect the Penal Code, not religious moral attitudes.

"Abortion pills are officially unattainable (at public clinics or pharmacies). But some medical officers and pharmacies may have contraband supplies."

On social repercussions of the availability of abortion pills online, Universiti Putra Malaysia Social and Development Sciences Department head Associate Professor Dr Nobaya Ahmad said they might encourage couples practising unprotected sex to find a quick fix to unwanted pregnancies.

"It will encourage couples in a sexual relationship and getting pregnant to easily abort the foetus as with current knowledge and technological access, there is no way of knowing who might buy the pills and whether the person buying it may have knowledge on the impact of taking the pills.

"Morally, it is not accepted in many societies. It is also against many religions to abort unwanted pregnancies.

"Abortions should be done by medical personnel because there may be a negative impact on a woman's health.

"The government shouldn't allow abortion pills to be sold online. Abortion should be done only by medical professionals. There should be no compromise on aspects that have moral and religious implications."

All Women's Action Society programme and operations manager Nisha Sabanayagam said most people resorted to pills sold online as they were an easier and less stigmatised route due to the negative perception of abortion.

Despite abortion being legal in Malaysia based on conditions, Nisha said negative perception of the termination of pregnancies had led people to believe that it was illegal.

"The high purchase of abortion pills over the Internet without medical advice is indicative of social realities in the country."

However, Nisha said, even if the abortion pills sold online were the prescribed choices of doctors, people must be aware that it was unwise to take the pills without medical supervision as it could lead to more health risks.

"Make the pills available to doctors, who can prescribe them with the qualified knowledge and who can perform safe abortions for early-stage pregnancies, if necessary.

"Abortion should not be stigmatised, especially when it puts women's lives at risk.

"Women should also be allowed to express their rights over their bodies freely and this includes saying no to unwanted sexual activities, including sex without the usage of contraceptives and being allowed the option of safe and medically supervised termination of pregnancy, especially if the continuation of the pregnancy causes them undue mental and physical stress."



Dr Wan Julia Sham Ariffin

She added that encouraging people to go doctors to discuss the possibilities of abortion also provided the government with an option to collect more medical data on pregnancies and abortions, especially unwanted teenage pregnancies.

"Campaigns on safe sex and reproductive rights should be carried out extensively in all languages and it should be carried out especially on the Internet since we now know that this is the channel often used to obtain information about sex and related topics.

"Men and women need to be educated as reproductive rights involve society.

"If we want to tackle the issue of unwanted pregnancies, especially among minors, then sex education is the route to follow.

"Contrary to popular belief, sex education is not about encouraging minors to have sex, but rather to teach them about what sex entails, including its possible consequences."

Muslim Doctors Association vice-president Dr Wan Julia Sham Ariffin said women would often think that buying abortion pills online was the best option to terminate their unwanted pregnancy.

"Without supervision from health officers, women would buy the pills whenever an unwanted pregnancy happens, she said.

"The pills should not be readily made available for purchase over the counter. Prevention should be the option instead of the cure."

Dr Wan Julia added that due to the online availability of the abortion pills, men feel that they were released from their responsibility if they refused to acknowledge the unwanted pregnancy.

"This would only lead to more serious mental health problems among women, and the mental health percentage in Malaysia is worrying."

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Smoking areas not allowed in eateries

**BATU GAJAH:** Food premises are not allowed to provide designated smoking areas within their business operations area, Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said yesterday.

He said smoking is only allowed three metres away from the premises.

"If an eatery provides a designated smoking area outside the premises, it does not fall under the authority of the Ministry of Health but the local authority.

"We have had discussions with the local authorities. The Ministry of Housing and Local Government may consider allowing eateries to provide ashtrays for cigarette butts," he said at a press conference to announce a "Health and Blood Donation" campaign at the Batu Gajah parliamentary community service centre.

Lee said eatery operators have to comply with terms and conditions of the operating licences issued by local authorities, and stern action would be taken if they flout the rules.

In a separate issue, Lee said lack of awareness among the public on the importance of early cancer detection was among the causes of the rising number of new cases.

According to statistics, 95% of cancer can be treated with early detection.

"However, cancer can be difficult to treat once it enters into the fourth stage," Lee said.

He said initial screening for cancer can be done at the health clinic through mammograms and pap smear tests, as well as blood stool screening for colorectal cancer.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah earlier said 115,238 new cancer cases were detected from 2012 to 2016 compared to 103,507 cases from 2007 to 2011.

He said 86 out of every 100,000 males and 102 out of every 100,000 females had cancer.

The top ten types of cancer detected from 2012 to 2016 were breast, colorectal, lung, lymphoma, nasopharynx, leukemia, prostate gland, liver, uterus and ovary.

The most common cancers in men were colorectal, lung and prostate.

In women, the most common cancers were breast, colorectal and cervical. – Bernama